

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L
KARPAL SINGH
[BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2014 (Selasa)

SOALAN :

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta
PERDANA MENTERI menyatakan sama ada hukuman mati yang
masih dikenakan terhadap kesalahan-kesalahan tertentu akan
dihapuskan.**

JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan pada masa ini belum mempunyai cadangan untuk memansuhkan sepenuhnya hukuman mati sebagai suatu bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah berat.
2. Jabatan Peguam Negara kini sedang menjalankan kajian bagi meneliti isu undang-undang, dasar dan keberkesanan pelaksanaan hukuman mati di negara ini.
3. Skop kajian tersebut tidak terhad kepada kedudukan hukuman mati mandatori seperti yang terdapat dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 sahaja, sebaliknya merangkumi keseluruhan peruntukan hukuman mati yang dikuatkuasakan di negara ini dan juga pelaksanaannya. Selain itu, kajian juga akan turut meneliti kedudukan banduan-banduan yang telahpun dijatuhi hukuman mati mandatori. Keputusan dasar berhubung pelaksanaan hukuman mati di negara ini akan diputuskan berdasarkan hasil kajian tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7178

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah keputusan siasatan ke atas laporan polis Sitiawan No. 007528/14 yang dibuat oleh Encik Siaw Yong Chuong.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis telah menerima laporan polis yang dibuat oleh penama Siaw Yong Chuong berkait Sitiawan Report 7528/2014 pada 11 Julai 2014. Laporan polis yang dibuat oleh pengadu melibatkan tangkapan teman wanitanya penama Nguyen Thi Tuyen, No. Passport Vietnam B8507915. Teman wanitanya telah ditangkap ketika pergi ke Pejabat Imigresen Daerah Manjung untuk memperbaharui Pas Lawatan. Alasan tangkapan kerana pas lawatan lanjutan yang lepas adalah tidak sah. Teman wanitanya juga telah dihantar ke Pusat Tahanan Langkap dan seterusnya dihantar balik ke Vietnam. Laporan polis tersebut telah di Rujuk Lain Agensi (RLA) iaitu Jabatan Imigresen.